93/ 2026

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

HPM SABAH 2026 LEPASI SASARAN, KUSKOP HARGAI SOKONGAN PADU RAKYAT SABAH

PUTRAJAYA, 29 OKTOBER – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah, agensi kerajaan, rakan strategik, usahawan, pempamer serta seluruh rakyat Sabah atas sokongan dan kerjasama dalam menjayakan Karnival Hebatkan Perniagaan Malaysia (HPM) Edisi Sabah 2026 yang berlangsung dari 23 hingga 25 Oktober 2026.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Mohd Alamin, menyifatkan komitmen dan kerjasama semua pihak sebagai faktor penting dalam memastikan kelancaran penganjuran karnival yang bertemakan “Bikin Lokal Jadi Hebat, Usahawan Onsoiii”.

Kerjasama erat antara KUSKOP dengan Kerajaan Negeri Sabah, khususnya Kementerian Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah (MINDET), turut memainkan peranan penting dalam menjayakan karnival ini.

KUSKOP turut merakamkan penghargaan kepada YB Datuk Ewon Benedick, Timbalan Ketua Menteri III Sabah merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah, yang telah menyempurnakan perasmian karnival bagi pihak YAB Ketua Menteri Sabah.

Karnival ini mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran **52,240 pengunjung**, sekali gus melepasi sasaran awal sebanyak 50,000 pengunjung. **Jualan produk usahawan turut mencatatkan nilai melebihi RM433,500** manakala peluang **padanan perniagaan bernilai sehingga RM1,129,000** melibatkan 47 usahawan.

Sambutan ini mencerminkan sokongan masyarakat terhadap produk dan perkhidmatan usahawan tempatan, di samping memperkukuh peranan Karnival HPM sebagai platform untuk mempromosikan produk, memperluas jaringan perniagaan serta meningkatkan akses perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan koperasi kepada pelbagai inisiatif pembangunan keusahawanan.

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
ukk@kuskop.gov.my

Selain itu, dari aspek pendigitalan, penglibatan TikTok Shop sebagai rakan strategik karnival turut menyumbang kepada usaha memperkasakan PMKS melalui pelbagai inisiatif digital.

Komitmen KUSKOP terhadap pembangunan keusahawanan di Sabah turut diterjemahkan melalui penyaluran dana pembiayaan berjumlah RM1 bilion kepada 45,000 usahawan dan koperasi di Sabah setakat September 2026 menerusi pelbagai inisiatif pembiayaan dan pembangunan usahawan.

KUSKOP akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri Sabah dan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan inisiatif pembangunan keusahawanan dan koperasi dilaksanakan dengan berkesan serta memberi manfaat kepada lebih ramai usahawan di negeri ini.

Hebatkan Perniagaan Malaysia.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
29 OKTOBER 2026

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
ukk@kuskop.gov.my